

09/08/2003

RazakSAT bukti kepakaran anak watan

KEJAYAAN anak watan mencipta dan membina satelit RazakSAT adalah bukti betapa kita sebenarnya mempunyai barisan jurutera yang berkebolehan membawa negara menyertai era teknologi aeroangkasa dengan bangganya. Walaupun pada mulanya kita meminta syarikat Sateci di Korea Selatan membina, namun kini jelas jurutera tempatan yang dihantar berlatih di sana mempunyai keupayaan membuat komponen diperlukan. Sebagai negara yang baru mencuba meneroka bidang ini, hakikat yang tidak dapat ditolak ialah kita lambat menyertai sektor pembinaan satelit dan kini memerlukan masa bagi mendapatkan pengalaman selain perbelanjaan yang agak tinggi bagi menghasilkan sesebuah satelit walaupun jenis mikro. Halangan ini ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang begitu puas hati dengan kejayaan jurutera Astronautic Technology Sdn Bhd itu sambil yakin ia setaraf dan mampu menyaingi kemampuan satelit buatan negara asing.

Setelah negara memulakan program angkasa lepas dengan pelancaran satelit Measat pada 1966, diikuti TiungSat-1 pada 2000, pembinaan satelit oleh anak tempatan itu adalah lonjakan besar bagi Malaysia. Penciptaan dan pembinaan satelit mikro itu bertambah penting memandangkan negara yang sudah lama bergiat dalam bidang itu enggan menjual teknologi pengimejan satelit resolusi tinggi. Satelit membabitkan kos RM50 juta tidak termasuk pelancaran juga mampu membezakan objek sebesar 2.5 meter x 2.5 meter di bumi itu turut menawarkan aplikasi pertanian, perhutanan, perancangan bandar, mengesan perubahan penggunaan tanah, pemantauan perairan dan perkapalan serta pemetaan geologi. Bagaimanapun, seperti TiungSat-1, RazakSAT tetap digunakan bagi tujuan penyelidikan, khususnya untuk mengkaji keadaan cuaca, pengawasan pencemaran seperti tumpahan minyak, bencana alam dan komunikasi e-mel persendirian. Cuma bezanya ia dilancarkan untuk mengelilingi orbit Khatulistiwa dan tidak kutub utara dan selatan.

Pencapaian terbaru itu lebih bererti dan amat penting setelah negara keluar selangkah demi selangkah meninggalkan sektor tradisional, iaitu daripada ekonomi berasaskan perlombongan dan pertanian kepada perindustrian dan kini bidang berteknologi tinggi membabitkan industri aeroangkasa pula. Kerjasama dengan Korea Selatan dan kini Russia diharapkan akan dapat menganjakkan kita mencapai kemajuan lebih bermakna dan besar dalam bidang dan sektor memang penting dan perlu itu selepas projek Koridor Raya Multimedia (MSC) menempah kejayaan. Sebenarnya dalam usaha mengejar kemajuan, kita tidak mampu berlengah-lengah tetapi harus ada semangat berlumba-lumba sedang negara lain memberi persaingan. Ini sejajar hasrat mencapai taraf negara maju menjelang 2020.